



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA**

**(No Sebut Harga. KPKT/JPSPN/BPP/SH/2/2019)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:

<b>PEJABAT YANG MEMANGGIL SEBUT HARGA</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>TARAF / JENIS SYARIKAT *</b>	<b>KELAYAKAN</b>	<b>TAKLIMAT &amp; LAWATAN TAPAK (DIWAJIBKAN)</b>	<b>TEMPAT, TARIKH &amp; WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP</b>
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerja-Kerja Penyasatan Tanah Dan Ujian Makmal Bagi Projek Pembangunan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Di Mersing, Mukim Triang, Johor	Khas untuk Kontraktor Bumiputera  Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari	CIDB  Gred G1 sahaja  Kategori CE  Pengkhususan CE12- Kerja Penyasatan Tanah	Tarikh : 19 September 2019 (Khamis)  Masa : 10.00 pagi  Tempat berkumpul : Majlis Daerah Mersing, No.1 Jalan Tun Dr. Ismail, 86800, Mersing Johor	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 24, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  Tarikh Tutup: 27 September 2019 (Jumaat)  Masa : 12.00 Tengah Hari

2. Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada **19 September 2019 (Khamis) jam 10.00 pagi** di Majlis Daerah Mersing, No. 1 Jalan Tun Dr. Ismail, 86800, Mersing, Johor. **Kehadiran adalah diwajibkan** dan hanya **PENAMA** di dalam Sijil Pendaftaran sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat, maksimum **dua (2) orang wakil** bagi setiap syarikat sahaja dibenarkan hadir mendengar taklimat.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh diperolehi semasa lawatan tapak dan taklimat Sebut Harga. Untuk maksud ini, petender perlu membawa sijil pendaftaran asal dan salinan seperti di syarat penyertaan sebut harga untuk semakan. Kontraktor yang hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan salinan sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak pada **19 September 2019 (Khamis), jam 10.00 pagi**.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 24, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 27 September 2019 (Jumaat)**.
5. Dokumen Sebut Harga yang **lewat diterima tidak akan dipertimbangkan** dan Kementerian **tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.
6. Pihak Kerajaan berhak membatalkan Sebut Harga ini pada bila-bila masa di atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh Kerajaan, dengan notis yang dipaparkan di laman web rasmi Kementerian tanpa perlu menyatakan sebab-sebab tersebut kepada Petender.
7. Sebarang pertanyaan boleh berhubung di talian **03-8891 4519/4543**.